

Pegawai daerah jumpa penduduk

Kerajaan Melaka kekalkan keputusan bina takungan bekalan air mentah

Oleh Hasnira Hassan

ALOR GAJAH: Pegawai Daerah akan memanggil mana-mana pemilik tanah yang kawasannya dijangka terabit dalam pengambilalihan bagi pelaksanaan pembinaan projek Empangan Sungai Jernih di Brisu, dekat sini.

Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam, bagaimanapun tidak memaklumkan jangka masa tertentu yang ditetapkan bagi proses temu bual antara Pejabat Tanah Daerah dan penduduk terabit.

Beliau berkata, kerajaan negeri masih mengekalkan keputusan untuk terus membina empangan ketiga Melaka dalam usaha membekalkan air mentah kepada penduduk sehingga 2022.

Sehubungan itu, beliau berharap

penduduk terabit memberi kerjasama sepenuhnya kepada kerajaan negeri bagi memastikan projek empangan yang akan menenggelamkan sebahagian Kampung Sungai Jernih berjalan lancar.

Pada masa sama, katanya, beliau tidak pasti sekiranya projek berkenaan turut membabitkan mana-mana kawasan atau tapak sejarah, sebagaimana didakwa penduduk.

"Kita akan tengok dulu... kita tidak tahu jika ada tempat sejarah yang patut dipugar...kita akan semak," katanya baru-baru ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai perkembangan projek Empangan Sungai Jernih di kawasan seluas 360 hektar dengan jangkauan sebanyak 258 lot tanah diambil alih selain 40 unit rumah, sehingga menyebabkan

bantahan penduduk.

Terdahulu, beliau diminta mengulas mengenai kedudukan tapak sejarah rumah tua atau Rumah Naning Lama yang dikatakan menjadi tempat persinggahan Datuk Dol Said iaitu pahlawan Melayu dalam Perang Naning 1832.

Selain itu, ditanya mengenai keputusan penduduk yang terus membantah pelaksanaan projek berkenaan yang sepatutnya dibentangkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kerjaraya dan Kemudahan Awam Negeri, Datuk Hamdin Abdullah, pada Mesyuarat Exco lalu, Mohd Ali menegaskan, kerajaan negeri tetap bersetuju membina empangan berkenaan.

"Bagi penduduk yang tidak bersetuju, kita akan pujuk perlahan-lahan. Ini seperti anak perempuan dipinang, bila tidak bersetuju, kita pujuk perlahan-lahan," katanya.

INFO



Rentetan kejadian

1 1 Mei 2006 - Sebahagian daripada kira-kira 400 penduduk Kampung Sungai Jerneh, Brisu, yang membantah cadangan membina Empangan Sungai Jerneh, berang kerana tiada wakil penduduk atau pihak berkuasa tampil membincangkan pelaksanaan projek di kawasan tanah pusaka tinggalan nenek moyang mereka yang diwarisi secara turun temurun.

2 14 Mei 2006 - Penduduk masih mengekalkan keputusan membantah projek pembinaan empangan dalam majlis dialog yang diadakan hampir tiga jam di

Balai raya Kampung Sungai Jernih. Pengerusi Jawatankuasa Kerjaraya dan Kemudahan Awam Negeri, Datuk Hamdin Abdullah berjanji memaklumkan keputusan itu dalam Mesyuarat Exco akan datang.

3 15 Mei 2006 - Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam meminta penduduk Kampung Sungai Jerneh 'berkorban' demi generasi akan datang rakyat Melaka kerana Sungai Jernih adalah lokasi terakhir yang didapati sesuai bagi tujuan pembinaan empangan selepas Kampung Jus di Jasin dibina Empangan Jus.